




JABATAN PERTANIAN




TATACARA OPERASI PIAWAI

TOP 1.5.4/0024/BPIT/0002

TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP) PENGURUSAN HASIL LADANG JABATAN PERTANIAN

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATO' NOR SAM BINTI ALWI	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	27 MAY 2025	27 MAY 2025

[illegible]

	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TANAMAN	Bil Muka Surat	
		Tarikh Kuatkasa	
		Bil Pindaan	0
NO. PENDAFTARAN TOP : 1.5.4/0024/BPIT/0002	TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP) PENGURUSAN HASIL LADANG JABATAN PERTANIAN	Tarikh Akhir Kemaskini	-
PEMILIK TOP	SEKSYEN BUAH-BUAHAN		

Tatacara Operasi Piawai Bagi Pengurusan Hasil Ladang Jabatan Pertanian

1. Tujuan

TOP ini disediakan sebagai rujukan kepada semua Negeri / Bahagian / Seksyen / Unit di Jabatan Pertanian bagi menyeragamkan pengurusan hasil ladang di Kompleks / Pusat Pertanian Jabatan Pertanian.

2. Pengenalan

Kompleks / Pusat Pertanian telah diwujudkan bagi menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti perkhidmatan teknikal Jabatan Pertanian secara bersepadu untuk memberi sokongan kepada perkhidmatan pengembangan yang dilaksanakan oleh negeri-negeri. Perkhidmatan sokongan teknikal ini meliputi pembangunan komoditi, perlindungan tanaman, pengurusan tanah, latihan dan kejuruteraan pertanian.

Perkhidmatan ini dilaksanakan melalui beberapa bahagian teknikal Jabatan Pertanian Persekutuan iaitu Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT), Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT), Bahagian Pengurusan Sumber Tanah (BPST), Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja (BKRPB), Bahagian Kejuruteraan Pertanian (BKP) dan Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) (Institut Pertanian dan Pusat Latihan Wilayah) yang berada di negeri-negeri.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di Kompleks / Pusat Pertanian antaranya adalah:

- i) pengeluaran bahan tanaman;
- ii) pembangunan dan penyesuaian teknologi di petak-petak pemerhatian dan ladang komersil;
- iii) penyaringan sisabaki racun perosak dan rawatan kuarantin;
- iv) pengumpulan maklumat dan informasi tanaman bagi diseminasi teknologi serta latihan kepada pegawai dan *stakeholder* Jabatan Pertanian.

Melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini, tanaman yang ditanam di Kompleks / Pusat Pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, kelapa, kopi, herba, florikultur, cendawan, apikultur (lebah dan kelulut), jagung bijian dan napier boleh mengeluarkan hasil mengikut umur atau tempoh berhasil masing-masing.

Hasil yang diperolehi akan digunakan bagi tujuan pengumpulan data, merekod maklumat teknikal dan maklumat asas tanaman seperti botani tanaman, kesesuaian tanah dan agro iklim, amalan agronomi, pengurusan perosak penyakit, potensi dan kualiti hasil serta pengurusan pasca tuai. Maklumat-maklumat ini amat penting bagi membolehkan Jabatan Pertanian melaksanakan fungsi antaranya;

- Menilai, mengubahsuai serta merumus pakej teknologi daripada agensi/badan penyelidikan mengikut keadaan setempat dan seterusnya menyampaikannya kepada pengusaha-pengusaha pertanian;
- Memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal secara pakej kepada usahawan, swasta dan agensi pembangunan pertanian;
- Membangunkan Sumber Maklumat Tanaman Makanan dan Tanah untuk kegunaan perancangan dan pelaksanaan pembangunan sektor pertanian;
- Menjalankan latihan di Institut / Pusat Latihan Pertanian bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam sektor pertanian; membangunkan sumber maklumat tanaman dan tanah untuk kegunaan perancangan dan pembangunan sector pertanian.

Hasil ini juga akan digunakan untuk tujuan penghasilan bahan tanaman seperti biji benih, keratan mata tunas, anak pokok penanti, umbisi, sulur, debunga dan lain-lain.

Selain itu, hasil ini juga akan digunakan untuk tujuan diseminasi teknologi, pembangunan produk hasil Industri Asas Tani / hiliran, bahan bantuan mengajar dan bahan promosi teknologi.

Walau bagaimanapun, sekiranya hasil tersebut melebihi keperluan atau tujuan utama pelaksanaan sesuatu aktiviti, ianya boleh dijual mengikut kadar harga yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Hasil jualan hendaklah dimasukkan ke Akaun Hasil Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, TOP ini dibangunkan untuk meningkatkan tatakelola Jabatan Pertanian dalam pengurusan hasil ladang di Kompleks/Pusat Jabatan Pertanian.

3. Skop

TOP ini digunakan oleh semua pegawai di Jabatan Pertanian yang bertanggungjawab dalam pengurusan hasil ladang di Kompleks/Pusat Jabatan Pertanian.

4. Definisi

4.1 Kompleks / Pusat Pertanian Jabatan Pertanian

Merujuk kepada Kompleks / Pusat Pertanian di bawah seliaan Bahagian Teknikal Jabatan Pertanian yang terdiri daripada Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT), Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT), Bahagian Pengurusan Sumber Tanah (BPST), Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja (BKRPB), Bahagian Kejuruteraan Pertanian (BKP) dan Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) (Institut Pertanian dan Pusat Latihan Wilayah) yang berada di negeri-negeri.

4.2 Tanaman Kontan

Tanaman singkat masa selain sayur-sayuran. Tempoh masa penanaman tanaman kontan tidak lebih setahun dan biasanya antara 3 hingga 6 bulan. Contoh jagung manis, labu, ubi keledek, ubi kayu dan ubi keladi.

4.3 Hasil Ladang

Hasil ladang adalah merujuk kepada hasil tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, kelapa, kopi, herba, florikultur, cendawan, apikultur (lebah dan kelulut), jagung bijian dan napier yang telah dituai atau dikumpul dari petak pemerhatian, petak pembangunan ladang komersial, petak pengeluaran mata tunas, petak pengeluaran bahan tanaman, petak *Model Farm*, petak *Local Variety Trial* (LVT) serta Petak Koleksi Pelbagai Jenis Tanaman (Petak Repositori dan Petak Arboretum).

4.4 Petak Pemerhatian

Petak Pemerhatian adalah merujuk kepada petak yang ditanam dengan tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, kelapa, kopi, herba, florikultur, cendawan, apikultur (lebah dan kelulut), jagung bijian dan napier bagi membuat pemerhatian dan penilaian sesuatu teknologi mengikut *Experimental Record Sheet* (ERS) yang ditetapkan.

4.5 Petak Pembangunan Ladang Komersial

Petak pembangunan ladang komersil adalah merujuk kepada petak ladang yang diurus secara komersil mengikut pakej amalan teknologi Jabatan Pertanian. Tujuan petak pembangunan ladang komersil adalah untuk mempraktikkan teknologi pertanian dan seterusnya membuat perbandingan hasil di antara varieti untuk dijadikan contoh kepada pemegang taruh.

Tanaman buah-buahan terpilih yang terlibat antaranya adalah durian, rambutan, mangga, pisang, kelapa, pulasan, belimbing, jambu batu, manggis dan mesta.

4.6 Petak Pengeluaran Mata Tunas

Petak Pengeluaran Mata Tunas adalah merupakan satu kawasan khas yang ditanam dengan pokok induk daripada pelbagai jenis buah-buahan terpilih mengikut varieti. Petak ini lazimnya berkeluasan di antara 1-2 ha dilengkapi dengan sistem pengairan yang sempurna. Penanaman pokok dalam petak ini adalah lebih padat berbanding ladang komersil. Jarak tanaman yang digunakan berukuran 3m x 3m adalah untuk menghasilkan jumlah mata tunas yang banyak. Tujuan petak ini adalah untuk mendapatkan bekalan mata tunas (*sion*) bagi aktiviti pembiakan melalui teknik cantuman. Semua pokok induk dalam petak ini telah disahkan ketulenan genetiknya melalui Skim Pengesahan Benih Tanaman (SPBT) Jabatan Pertanian.

4.7 Petak Pengeluaran Bahan Tanaman

Petak Pengeluaran Bahan Tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, kelapa, kopi, herba, florikultur, cendawan, apikultur (lebah dan kelulut), jagung bijian dan napier dilaksanakan untuk pengeluaran bahan tanaman / nurseri. Bahan tanaman yang dikeluarkan antaranya adalah seperti biji benih, anak pokok penanti, anak pokok cantuman, anak pokok buah-buahan/kelapa/kopi/herba, umbisi/rizom, benih cendawan dan bunga-bunga.

4.8 Petak Model Farm

Petak *Model Farm* merupakan petak tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, kelapa, kopi, herba, florikultur, cendawan, apikultur (lebah dan kelulut) yang menjadi rujukan teknologi tanaman serta lokasi pelaksanaan latihan secara teori dan *hands-on* kepada golongan sasar serta pegawai pengembangan, profesional atau individu yang berminat menceburi bidang agromakanan.

4.9 Petak Local Variety Trial (LVT)

Petak *Local Variety Trial* (LVT) varieti tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, tanaman industri dan komoditi bernilai tinggi dilaksanakan bagi membuat penilaian dan pengesyoran varieti yang berkualiti dan komersial mengikut Format LVT yang ditetapkan.

4.10 Petak Repositori (Koleksi Varieti Tanaman)

Petak Repositori merupakan satu kawasan khas yang ditanam dengan banyak varieti dari satu jenis tanaman yang terpilih. Varieti yang ditanam merupakan varieti yang telah didaftarkan di dalam Daftar Varieti Tanaman. Setiap varieti buah-buahan ditanam melebihi 5 pokok bagi setiap varieti dan disusun dalam barisan yang sama. Setiap pokok di label mengikut varieti bagi tujuan pengecaman dan menilai prestasi varieti tersebut.

Tujuan petak repositori adalah untuk penyimpanan janaplasma varieti tanaman dan mendapatkan maklumat varieti tersebut untuk tujuan pendaftaran dan pengesyoran. Petak ini juga digunakan sebagai petak rujukan dan pembelajaran serta menyokong pelaksanaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [Akta 634].

Tanaman repositori yang sedia ada adalah seperti tanaman durian, mangga, rambutan, ciku, jambu batu, belimbing, pisang, cempedak dan sebagainya. Pengurusan tanaman adalah mengikut pakej amalan teknologi Jabatan Pertanian.

4.11 Petak Arboretum (Koleksi Kepelbagaian Jenis Tanaman)

Petak Arboretum merupakan satu kawasan khas yang ditanam dengan pelbagai tanaman terpilih termasuk buah-buahan nadir, ulam dan herba. Buah-buahan yang terdapat di dalam petak Arboretum antaranya adalah sentul, tampoi, kundang, mentega, terap, mempising, cermai dan ajaib. Manakala, tanaman herba yang ditanam adalah seperti tongkat ali, kacip fatimah, misai kucing, dukung anak, halia bara, mengkudu, lempoyang dan sebagainya. Kaedah penanaman di dalam petak arboretum mengikut pakej amalan teknologi Jabatan Pertanian.

Tujuan petak arboretum adalah untuk memelihara dan mengekalkan sumber genetik supaya tidak pupus serta mengekalkan kepelbagaian biodiversiti tanaman di Malaysia.

4.12 Harga Jualan Hasil Ladang

Harga jualan hasil ladang adalah tertakluk kepada Harga Jabatan Pertanian yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Pada masa ini, harga jabatan adalah merujuk kepada surat edaran Jabatan Pertanian JP.KPP (S) 207 / 3 / 16 / 1 JLD.3 (8) bertarikh 8 April 2015 – Edaran Kadar Baru Caj-caj / Fi Perkhidmatan – Jabatan Pertanian Semenanjung serta keputusan/ arahan/ dasar dari semasa ke semasa.

4.13 *Experimental Record Sheet (ERS)*

Experimental Record Sheet (ERS) adalah dokumen / lembaran kerja yang digunakan untuk merekod data, pemerhatian dan hasil semasa menjalankan sesuatu eksperimen bagi memastikan data yang dikumpul teratur dan boleh digunakan untuk analisis dan pelaporan. Lembaran ini juga membantu memastikan eksperimen dijalankan dengan sistematik dan memudahkan rujukan di masa hadapan.

5. *Tanggungjawab*

TOP ini dibawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT) yang bertanggungjawab untuk menyemak, menilai dan mengesahkan setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

TOP ini akan sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa.

Pegawai-pegawai yang terlibat akan melaksanakan prosedur Tatacara Operasi Piawai (TOP) Bagi Pengurusan Hasil Ladang Jabatan Pertanian seperti yang telah digariskan di dalam TOP ini.


6. *Tatacara*

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam Pengurusan Hasil Ladang Jabatan Pertanian adalah seperti berikut:

- 6.1 Pengeluaran hasil ladang di Kompleks / Pusat Pertanian adalah melalui pelaksanaan aktiviti bahagian-bahagian teknikal yang dijalankan di petak-petak tertentu seperti petak pemerhatian, petak pembangunan ladang komersial, petak pengeluaran mata tunas, petak pengeluaran bahan tanaman, petak *Model Farm*, petak *Local Variety Trial* (LVT), petak Repositori dan petak Arboretum.
- 6.2 Terdapat beberapa jenis tanaman / komoditi yang mengeluarkan hasil ladang seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan, padi, kelapa, kopi, herba, florikultur, cendawan, apikultur (lebah dan kelulut), jagung bijian dan napier.
- 6.3 Jenis-jenis hasil ladang adalah dalam bentuk hasil segar atau bagi penghasilan bahan tanaman seperti biji benih, keratan mata tunas, anak pokok penanti, umbisi, sulur, debunga dan lain-lain.

- 6.4 Laporan pengeluaran dan penggunaan hasil ladang perlu disediakan di peringkat Kompleks / Pusat Pertanian menggunakan Borang Maklumat Kutipan dan Pengeluaran Hasil Ladang seperti di **Lampiran 1** secara bulanan bergantung kepada jenis tanaman.
- 6.5 Tujuan penggunaan hasil ladang adalah bagi pengambilan data, penghasilan bahan tanaman, bahan diseminasi teknologi / bantuan mengajar, bahan pembangunan produk IAT / hiliran, bahan promosi teknologi, edaran *Store Issue Voucher* (SIV) dan jualan. Penggunaan hasil ladang bagi apa-apa tujuan perlu direkodkan kuantiti bagi memastikan jumlah kutipan selari dengan penggunaan dan dapat mengelakkan ketirisan.
- 6.6 Bagi jualan hasil ladang, kuasa melulus untuk setiap pembelian di bawah 10 kilogram adalah di bawah kuasa Pegawai Kuasa Usaha Bahagian Teknikal manakala melebihi 10 kilogram perlu mendapatkan kelulusan Pengarah Bahagian masing-masing.
- 6.7 Harga jualan hasil ladang adalah tertakluk kepada Harga Jabatan Pertanian yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Pada masa ini, harga jabatan adalah seperti di **Lampiran 2**. Hasil jualan hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Kerajaan. Pengurusan terimaan hasil perlu mematuhi Tatacara Pengurusan Terimaan yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 6.8 Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Bahagian masing-masing secara berkala sebanyak tiga (3) kali setahun, mengikut tempoh Januari – April, Mei – Ogos dan September – Disember, bagi tujuan pemantauan dan tindakan susulan yang diperlukan.
- 6.9 Hasil ladang yang belum sempat dituai atau musnah akibat serangan perosak / musuh tanaman atau bencana perlu dilaporkan dalam bentuk anggaran.
- 6.10 Perlu mematuhi Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan sepertimana yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 5.1 yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira atau mana-mana pekeliling yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Carta alir Tatacara



7. Borang-borang

Borang Maklumat Kutipan Dan Pengeluaran Hasil Ladang.

8. Rujukan

- 8.1) KPKM Standard KPKM 1:2024 Terminology – Agrofood Technology.
- 8.2) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 5.4 Tatacara Pengurusan Aset Hidup Tumbuhan (TPT).
- 8.3) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

9. Lampiran

- 9.1) Borang Maklumat Kutipan Dan Pengeluaran Hasil Ladang (**Lampiran 1**).
- 9.2) Surat edaran Jabatan Pertanian JP.KPP (S) 207 / 3 / 16 / 1 JLD.3 (8) bertarikh 8 April 2015 – Edaran Kadar Baru Caj-caj / Fi Perkhidmatan – Jabatan Pertanian Semenanjung (**Lampiran 2**).
- 9.3) Contoh Laporan *Local Variety Trial* (LVT) (**Lampiran 3**).
- 9.4) Contoh *Experimental Report Sheet* (ERS) (**Lampiran 4**).

10. Pematuhan

Kegagalan pegawai untuk mematuhi Tatacara Operasi Piawai Bagi Pengurusan Hasil Ladang Jabatan Pertanian boleh dikenakan Tindakan Tatatertib di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

11. Tarikh Kuatkuasa

TOP ini berkuatkuasa pada 27 Mei 2025.

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	ROKIAH BINTI DAUD	MOHD ZAHIR BIN DAHALAN	CHRISTOPHER JOHN BIAI
Jawatan	Ketua Unit Pembangunan Pusat Teknotani	Ketua Seksyen Buah-Buahan	Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
Tarikh	20 Mei 2025	20 Mei 2025	20 Mei 2025

LAMPIRAN 1

**BORANG MAKLUMAT KUTIPAN DAN
PENGELUARAN HASIL LADANG**

[illegible]

* Potong yang tidak berkenaan
*** Edaran SIV melibatkan bahan tanaman sahaja
**** Kuantiti perlu dinyatakan unit (kg/pokok/liter/dl)

Disahkan Oleh :

cap nama & jawatan)
Tarikh :

LAMPIRAN 2

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ /
FI PERKHIDMATAN**



KETUA PENGARAH PERTANIAN
(Director-General Agriculture)
JABATAN PERTANIAN
(Department of Agriculture)
WISMA TANI
ARAS 17, NO. 30, PERSIARAN PERDANA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Tel.: 03-88703000

Fax: 03-8888 5069 8555 8491 8538 8284 8870 3041

Ruj. Kami : JP. KPP (S) 207/3/16/1 JLD. 3 (8)
Tarikh : 8 APRIL 2015

Pengarah Bahagian Hortikultur
Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani
Pengarah Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah
Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Pengarah Bahagian Perancangan, Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak
Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian
Pengarah Bahagian Pertanian Bandar
Pengarah Bahagian Pengurusan

Pengarah Pertanian Negeri Johor
Pengarah Pertanian Negeri Kedah
Pengarah Pertanian Negeri Kelantan
Pengarah Pertanian Negeri Melaka
Pengarah Pertanian Negeri Negeri Sembilan
Pengarah Pertanian Negeri Pahang

Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang
Pengarah Pertanian Negeri Perak
Pengarah Pertanian Negeri Perlis
Pengarah Pertanian Negeri Selangor
Pengarah Pertanian Negeri Terengganu
Pengarah Pertanian W.P. Labuan

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

EDARAN KADAR BARU CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
- JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya bersama-sama ini dikemukakan senarai kadar baru caj-caj atau fi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Semenanjung. Kadar baru ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Bil. 1/2015 yang telah diadakan pada 4 Mac 2015 yang lalu (sila rujuk cabutan minit yang dikepilkan bersama surat ini).

3. Adalah dimaklumkan bahawa kadar baru yang telah diluluskan ini melibatkan caj-caj / fi perkhidmatan bagi jualan benih dan produk segar bagi buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman industri (kelapa, herba, cendawan, dan kopi), tanaman hiasan, produk perlembahan (lebah dan kelulut), serta bahan cetak, pita video, dan cakera padat bagi aktiviti khidmat teknikal pertanian.

4. Sehubungan itu, Semua Bahagian dan Negeri hendaklah menggunakan kadar baru yang telah diluluskan ini bagi semua perkhidmatan yang berkaitan dengan kadar tersebut. **ARAHAN INI ADALAH BERKUATKUASA PADA TARIKH IA DIKELUARKAN DAN DENGAN ITU, KADAR ASAL ADALAH TERBATAL.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AHMAD ZAKARIA BIN MOHAMAD SDEK)

Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian, Putrajaya.

s/k:

- 1) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan)
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Operasi)
- 3) Ketua Unit Integriti
- 4) Salinan Fail Caj-caj/Fi Perkhidmatan Jabatan

digariskan dalam Buku Dasar Agromakanan Negara, 2011 – 2020;

- ii. Tanggungjawab Bahagian/Jabatan/Agensi peneraju adalah untuk membentuk Jawatankuasa Kerja bagi memastikan kajian analisa jurang DAN di bawah topik-topik yang ditetapkan dapat dilaksanakan;
- iii. Bahagian/Jabatan/Agensi peneraju hendaklah menyediakan laporan status kemajuan kepada Jawatankuasa Teknikal Kajian Separuh Penggal DAN setiap bulan; dan
- iv. Kertas kajian separuh penggal DAN ini dijangka akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) pada Oktober 2015 sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada November 2015

- 4.2.1 Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan cadangan ini. Setiap Bahagian/Jabatan/Agensi peneraju terlibat hendaklah memberikan kerjasama bagi memastikan kajian separuh penggal DAN ini berjaya dilaksanakan sebelum akhir tahun 2015 ini.

Tindakan: Bahagian DPS, PEM, ITTP, NATC, MARDI, PIEB, IPB, DOF, DVS, DOA, HDD, IAT

4.3 Permohonan Kadar Baru Caj/Fi Perkhidmatan Jabatan Pertanian

- 4.3.1 Mesyuarat mengambil perhatian terhadap permohonan kadar baru caj/fi perkhidmatan Jabatan Pertanian. Permohonan ini melibatkan perubahan kadar bagi caj jualan benih dan produk segar bagi buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman industri (kelapa, herba, cendawan, dan kopi), tanaman hiasan, produk perlembahan (lebah dan kelulut), serta bahan cetak, pita video, dan cakera padat bagi aktiviti khidmat teknikal pertanian. Permohonan ini juga melibatkan dua kategori utama iaitu pindaan caj sedia ada dan permohonan caj baru.

- 4.3.2 Mesyuarat turut mengambil maklum terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Jabatan Pertanian telah menggunakan kadar caj/fi perkhidmatan berdasarkan senarai harga benih tanaman dan kadar caj perkhidmatan Jabatan Pertanian yang ditetapkan di bawah satu surat pekeliling pentadbiran bertarikh 28 Ogos 1998 dengan kelulusan Perbendaharaan Malaysia.

- ii. Jabatan Pertanian memohon agar kadar baru caj / fi perkhidmatan Jabatan ini dibuat berdasarkan kiraan kos pengeluaran benih dan produk segar bagi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman industri dan tanaman hiasan serta produk perlebahan (lebah dan kelulut) yang dikeluarkan oleh Bahagian Hortikultur dan Bahagian Padi, Tanaman Industri & Florikultur;
 - iii. Penjualan benih difokuskan untuk projek anjuran Jabatan dan penjualan benih kepada pelanggan luar dengan kuantiti yang banyak perlu mendapat kebenaran khas. Senarai harga benih dan produk segar ini adalah harga tetap di kaunter pusat jualan Stesen Pertanian;
 - iv. Permohonan kadar baru bagi harga jualan bahan cetak adalah berdasarkan kepada 30% kos cetakan; dan
 - v. Secara keseluruhan, kadar baru caj/fi yang dipohon adalah lebih rendah berbanding dengan harga pasaran semasa yang dijual oleh Agensi Kerajaan lain dan pihak swasta.
- 4.3.3 Permohonanan kadar baru ini dijangka akan meningkatkan hasil Kerajaan melalui penjualan benih dan produk segar tanaman bagi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman industri dan tanaman hiasan, produk perlebahan (lebah dan kelulut) serta jualan bahan cetak dan elektronik.
- 4.3.4 Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan cadangan kadar bari caj/ fi perkhidmatan oleh Jabatan Pertanian.

Tindakan: Jabatan Pertanian

- 2.3.5 Mesyuarat juga bersetuju agar Jabatan Pertanian memaklumkan mengenai kenaikan kadar baru ini kepada Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani

Tindakan: Jabatan Pertanian

4.4 Cadangan Penswastaan 'AQUAFAIR MALAYSIA'

- 4.4.1 Mesyuarat mengambil perhatian terhadap cadangan penswastaan 'AQUAFAIR MALAYSIA'. Ia merupakan satu acara pameran dan

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

1. Kadar Harga Benih Buah-buahan :			Bahagian Hortikultur
a) Belimbing	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
b) Betik	RM 1,000.00 per kg	RM 1,300.00 per kg	
c) Cempedak	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
d) Ciku	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
e) Dokong	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
f) Durian	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
g) Durian Belanda	RM 3.00 per pokok	RM 3.50 per pokok	
h) Jambu Batu	RM 3.00 per pokok	RM 4.50 per pokok	
i) Jambu Air	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
j) Limau Bali	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
k) Limau Kasturi	RM 3.00 per pokok	RM 3.50 per pokok	
l) Limau Manis / Langkat	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
m) Longan	RM 3.00 per pokok	RM 4.00 per pokok	
n) Mangga	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
o) Manggis	RM 3.00 per pokok	RM 4.50 per pokok	
p) Mesta	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
q) Nanas	RM 3.00 per pokok	RM 6.00 per pokok	
r) Nangka	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 0.30 per sulur	
s) Pisang (Anak Pokok Penyukuan)	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
t) Pisang (Tisu Didik)	RM 0.30 per sulur	RM 2.00 per pokok	
u) Pitaya	RM 1.00 per pokok	RM 2.50 per pokok	
v) Pulasan	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
w) Rambutan	RM 3.00 per pokok	RM 5.00 per pokok	
x) Salak	RM 2.00 per pokok	RM 4.50 per pokok	
		RM 3.00 per pokok	

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

	y) Limau Purut z) Limau Nipis aa) Mata Tunas ab) Pokok Penanti ac) Lain-lain Jenis	RM 3.00 per pokok RM 3.00 per pokok RM 3.00 per meter RM 1.50 per pokok RM 3.00 per pokok	RM 4.50 per pokok RM 3.50 per pokok Tiada Perubahan RM 2.00 per pokok Tiada Perubahan	Bahagian Hortikultur
2.	Kadar Harga Benih Sayur-sayuran : a) Bayam b) Bendi c) Cili Merah d) Cili Solok e) Cili Padi f) Kacang Buncis g) Kacang Panjang h) Petola Segi i) Sawi j) Terung k) Timun l) Tomato m) Peria n) Sengkuang o) Keledak (Panjang Minima 30 cm) p) Ubi Kayu (Panjang Minima 30 cm) q) Jagung Manis (TSS) r) Kacang Tanah	RM 40.00 per kg RM 30.00 per kg RM 150.00 per kg RM 150.00 per kg RM 150.00 per kg RM 30.00 per kg RM 60.00 per kg RM 30.00 per kg RM 40.00 per kg RM 300.00 per kg RM 150.00 per kg RM 300.00 per kg RM 30.00 per kg RM 30.00 per kg RM 0.02 per keratan RM 0.02 per keratan RM 6.00 per kg RM 5.00 per kg	RM 50.00 per kg RM 55.00 per kg Tiada Perubahan Tiada Perubahan RM 450.00 per kg RM 100.00 per kg RM 90.00 per kg RM 100.00 per kg Tiada Perubahan Tiada Perubahan Tiada Perubahan Tiada Perubahan RM 150.00 per kg Tiada Perubahan RM 0.05 per keratan RM 0.10 per keratan RM 9.00 per kg RM 6.00 per kg	Bahagian Hortikultur

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

	s) Tebu Kuning (Panjang Minima 30 cm) t) Keladi (Sulur) u) Kailan v) Kangkung	Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 0.25 per keratan RM 0.60 per sulur RM 40.00 per kg RM 10.00 per kg	Bahagian Hortikultur
3.	Kadar Harga Produk Segar Buah-buahan : a) Belimbing b) Betik c) Cempedak d) Ciku e) Dokong f) Duku Terengganu g) Durian Gred A h) Durian Gred B i) Jambu Batu (Tanpa biji) j) Jambu Batu (Berbiji) k) Jambu Air l) Limau Bali m) Limau Manis / Langkat n) Limau Kasturi o) Limau Nipis p) Limau Purut (Daun) q) Longan r) Mangga s) Manggis / Mesta	RM 1.50 per kg RM 0.70 per kg RM 1.00 per kg RM 1.50 per kg RM 3.50 per kg RM 2.00 per kg RM 4.00 per kg RM 3.00 per kg RM 1.50 per kg RM 0.60 per kg RM 2.00 per kg RM 1.00 per kg RM 1.00 per kg RM 0.50 per kg RM 0.50 per kg Tiada Caj (Permohonan Baru) RM 0.50 per kg RM 1.50 per kg RM 1.00 per kg	Tiada Perubahan RM 1.00 per kg RM 2.00 per kg RM 2.00 per kg Tiada Perubahan Tiada Perubahan Tiada Perubahan Tiada Perubahan RM 2.00 per kg RM 1.00 per kg RM 3.00 per kg Tiada Perubahan RM 2.00 per kg RM 1.00 per kg RM 1.00 per kg RM 5.00 per kg RM 2.50 per kg RM 2.00 per kg RM 2.00 per kg	Bahagian Hortikultur

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

	t) Melon u) Nangka v) Nanas w) Pisang x) Pitaya y) Pulasan z) Rambutan aa) Salak ab) Tembikai ac) Lain-lain Jenis Hasil	RM 0.80 per kg RM 0.60 per kg RM 0.50 per kg RM 0.80 per kg RM 0.50 per kg RM 1.50 per kg RM 1.50 per kg RM 3.00 per kg RM 0.80 per kg RM 0.50 per kg	RM 3.00 per kg RM 2.00 per kg RM 1.00 per kg RM 1.00 per kg RM 2.50 per kg RM 2.00 per kg Tiada Perubahan Tiada Perubahan RM 1.00 per kg RM 2.00 per kg	Bahagian Hortikultur
4.	Kadar Harga Produk Segar Sayur-sayuran : a) Bayam b) Bendi c) Cili Merah d) Cili Solok e) Cili Padi f) Kacang Bundis g) Kacang Panjang h) Petola Segi i) Sawi j) Terung k) Timun l) Tomato m) Peria	RM 0.60 per kg RM 1.75 per kg RM 5.00 per kg RM 5.00 per kg RM 5.00 per kg RM 2.25 per kg RM 1.75 per kg RM 1.25 per kg RM 0.60 per kg RM 1.75 per kg RM 0.50 per kg RM 3.00 per kg RM 1.00 per kg	RM 1.00 per kg RM 2.00 per kg Tiada Perubahan Tiada Perubahan RM 6.00 per kg RM 2.50 per kg RM 2.00 per kg RM 1.50 per kg RM 1.00 per kg RM 2.00 per kg RM 1.00 per kg Tiada Perubahan RM 2.00 per kg	Bahagian Hortikultur

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

n) Sengkuang	RM 1.75 per kg	RM 2.00 per kg	Bahagian Hortikultur
o) Keledak	RM 0.50 per kg	RM 1.00 per kg	
p) Ubi Kayu	RM 0.30 per kg	RM 0.50 per kg	
q) Jagung Manis	RM 0.40 per tongkol	RM 0.50 per tongkol	
r) Kacang Tanah	RM 3.00 per kg	RM 3.50 per kg	
s) Tebu Kuning	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 1.50 per batang	
t) Kunyit	RM 2.00 per kg	RM 2.00 per kg	
u) Halia	RM 2.80 per kg	RM 3.00 per kg	
v) Keladi	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 per sulur	
w) Kailan	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 per kg	
x) Kangkung	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 per kg	
y) Labu Air	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 1.00 per kg	
z) Labu Manis	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 1.00 per kg	
5. Baja Kompos	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 1.00 per kg	Bahagian Hortikultur

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

6. Kadar Harga Benih Kelapa : a) Anak Benih Kelapa Hibrid (berumur antara 4 - 8 bulan selepas cambah) i. MATAG (tanpa polibeg) ii. MATAG (polibeg) iii. Lain-lain (tanpa polibeg) iv. Lain-lain (polibeg) b) Anak Benih Kelapa Bukan Hibrid (berumur antara 4 - 8 bulan selepas cambah) i. Pandan (tanpa polibeg) ii. Pandan (polibeg) iii. Kelapa Rendah MYD/MRD (tanpa polibeg) iv. Kelapa Rendah MYD/MRD (polibeg) v. Lain-lain jenis kelapa terpilih (tanpa polibeg) vi. Lain-lain jenis kelapa terpilih (polibeg) c) Pollen Bunga Jantan (gram) d) Biji benih Kelapa MATAG (buah tua) e) Biji benih Kelapa Pandan (buah tua)	RM 2.50 sepokok Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) RM 4.00 sepokok Tiada Caj (Permohonan Baru) RM 1.50 sepokok Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 15.00 sepokok RM 18.00 sepokok RM 15.00 sepokok RM 18.00 sepokok RM 6.00 sepokok RM 8.00 sepokok RM 4.00 sepokok RM 5.00 sepokok RM 8.00 sepokok RM 10.00 sepokok RM 1.50 segram RM 2.00 sebiji RM 1.00 sebiji	Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
7. Kadar Harga Produk Segar Kelapa : a) Kelapa Muda Pandan (biji) b) Kelapa Muda lain-lain jenis c) Kelapa Tua (Bukan untuk benih)	RM 0.42 - RM 1.00 sebiji RM 0.21 -RM 0.50 sebiji RM 0.04 - RM 0.20 sebiji	RM 0.70 - RM 1.00 sebiji atau Secara Sebutharga RM 0.70 - RM 1.00 sebiji atau Secara Sebutharga RM 0.50 - RM 1.00 sebiji atau Secara Sebutharga	Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

8. Kadar Harga Benih Herba :			Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
a) Tongkat Ali (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 8.00 sepokok	
b) Limau Purut (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 4.00 sepokok	
c) Pokok Kayu Manis (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 5.00 sepokok	
d) Kari (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 5.00 sepokok	
e) Tea Tree (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 15.00 sepokok	
f) Derhaka Mertua (polibeg - Tinggi > 15cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
g) Kerbau Jantan (polibeg - Tinggi > 15cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 sepokok	
h) Pokok Ajaib (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 15.00 sepokok	
i) Mas Cotek (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 4.00 sepokok	
j) Misai Kucing (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
k) Mengkudu (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 4.00 sepokok	
l) Nilam (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
m) Kacip Fatimah (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 5.00 sepokok	
n) Jarum Tujuh Bilah (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 sepokok	
o) Lemuni (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
p) Ganda Rusa (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 sepokok	
q) Selasih (polibeg - Tinggi > 15cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
r) Cekur (polibeg)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
s) Halia Bara (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok	
t) Bonglai (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 sepokok	
u) Temu (lawak/pauh) (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 sepokok	
v) Senduduk Putih (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 5.00 sepokok	
w) Lempoyang (polibeg - Tinggi > 30cm)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 3.00 sepokok	
x) Jerangau (polibeg)	Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 5.00 sepokok	

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

	y) Pudina (polibeg) z) Roselle (polibeg) aa) Hempedu Bumi (polibeg- Tinggi > 30cm) ab) Sireh (polibeg) ac) Kaduk (polibeg) ad) Lidah Buaya (polibeg) ae) Jemuju (polibeg - Tinggi > 30cm) af) Belimbing Tanah (polibeg) ag) Sambung Nyawa (polibeg) ah) Vanilla (polibeg - Tinggi > 15m) ai) Benih Serai (batang) aj) Serai (polibeg) ak) Kesum (polibeg) al) Kunyit (polibeg - Tinggi > 15cm) am) Pandan (polibeg - Tinggi > 15cm) an) Lengkuas (polibeg - Tinggi > 15cm) ao) Kantan (polibeg - Tinggi > 15cm) ap) Pegaga (polibeg) aq) Biji benih Rosel (kg)	Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru) Tiada Caj (Permohonan Baru)	RM 2.00 sepokok RM 2.00 sepokok RM 3.00 sepokok RM 3.00 sepokok RM 3.00 sepokok RM 5.00 sepokok RM 3.00 sepokok RM 2.00 sepokok RM 2.00 sepokok RM 5.00 sepokok RM 0.05 sebatang RM 2.00 serumpun RM 2.00 sepokok RM 3.00 sepokok RM 2.00 serumpun RM 2.00 sepokok RM 2.00 sepokok RM 2.00 serumpun RM 50.00 sekilogram	Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
9.	Tanaman Hiasan : Pokok Hiasan Berbunga a) Adenium obesum (Desert rose) b) Allamanda cathartica (Golden trumpet) c) Alpinia purpurata (Red Ginger) d) Bougainvillea spp (Bunga kertas)	RM 2.00 per polibeg (6"x9") RM 1.50 per polibeg (6"x9") RM 2.00 per polibeg (6"x9") RM 3.00 per polibeg (6"x9")	RM 6.00 per pasu (5") RM 3.00 per polibeg (10"x10") RM 5.00 per pasu (5") RM 5.50 per polibeg (10"x10")	Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

e) Bougainvillea hybrid (Bunga kertas)	RM 3.50 per polibeg (6"x9")	RM 6.00 per polibeg (10"x10")	Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
f) Caesalpinia pulcherrima flava (Peacock flower)	RM 3.00 per polibeg (6"x9")	RM 6.00 per polibeg (10"x10")	
g) Calliandra emarginata minima (Miniature powder-puff)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 12.00 per pasu (5")	
h) Callistemon viminalis (Weeping bottle brush)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 8.00 per polibeg (10"x10")	
i) Clerodendrum thomsonae (Bleeding heart vine)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 8.00 per polibeg (10"x10")	
j) Clerodendrum paniculatum (Pagoda flower/Kashmir bouquet)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
k) Congea tomentosa (Shower orchid)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
l) Cuphea platycentra (Cigar flower)	RM 1.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
m) Galphimia glauca (Gold shower thryallis)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
n) Gardenia jasminoides 'Veitchii' (Kaca piring/ Everblooming gardenia)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
o) Hamelia paten (Scarlet bush / Fire bush)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
p) Heliconia psittacorum (Parrot flower)	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
q) Heliconia humilis (Lobster-Claw)	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
r) Heliconia rostrata (Hanging lobster-claw)	RM 4.00 per polibeg (6"x9")	RM 10.00 per polibeg (10"x10")	
s) Heliconia illustris 'Rubra'	RM 3.00 per polibeg (6"x9")	RM 10.00 per polibeg (10"x10")	
t) Hibiscus rosa-sinensis spp	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
u) Hibiscus hybrid (pelbagai hibrid)	RM 3.00 per polibeg (6"x9")	RM 12.00 per polibeg (10"x10")	
v) Hydrangea macrophylla 'Kuhnert'	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 8.00 per polibeg (10"x10")	
w) Ixora javanica (Bunga jarum/jungle geranium)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
x) Ixora coccinea (Bunga jarum/flame of the woods)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
y) Ixora chinensis (Bunga jarum)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
z) Ixora sunkist (Bunga jarum)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
aa) Jatropha pandurifolia	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 10.00 per polibeg (10"x10")	

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKHIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

ab) <i>Jatropha podagrica</i>	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 10.00 per polibeg (10"x10")	Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
ac) <i>Largestroemia indica</i> (Crape myrtle)	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
ad) <i>Lantana camara</i> (Dwarf type)	RM 1.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
ae) <i>Lantana sellowiana</i>	RM 1.00 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
af) <i>Malpighia glabra</i> (A cerola / Barbados cherry)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
ag) <i>Malvaviscus arboreus mexicanus</i> (Turk's cap)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
ah) <i>Mussaenda</i> spp (Janda kaya)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 2.00 per polibeg (10"x10")	
ai) <i>Nerium oleander</i> (Commor oleander / Rose bay)	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
aj) <i>Ochna kirkii</i> (Mickey mouse plant)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
ak) <i>Pandanus sanderi</i> 'Roehrsianus'	RM 3.00 per polibeg (6"x9")	RM 3.00 per polibeg (10"x10")	
al) <i>Pandanus pygmeanus</i> (miniature pandanus)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
am) <i>Pandorea jasminoides</i> 'Alba white' (('Tecoma') 'Rosea')	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 2.00 per polibeg (10"x10")	
an) <i>Petrea volubilis</i> (Purple wreath)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
ao) <i>Plumbago auriculata</i> (capensis) (Cape leadwort)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
ap) <i>Portulaca grandiflora</i> (Rose Moss)	RM 1.00 per polibeg (6"x9")	RM 1.00 per polibeg (10"x10")	
aq) <i>Punica granatum</i> 'Nana' (Dwarf pomegranate)	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 2.00 per polibeg (10"x10")	
ar) <i>Rosa</i> spp (Bunga Mawar)	RM 3.00 per polibeg (6"x9")	RM 6.00 per polibeg (10"x10")	
as) <i>Spathiphyllum commutatum</i>	RM 2.00 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
at) <i>Tecoma stans</i> (Yellow Bells)	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 6.00 per polibeg (10"x10")	
au) <i>Tecomaria capensis</i> (Cape honeysuckle)	RM 2.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	
av) <i>Tristellateia australasica</i> (Galphimia vine)	RM 1.50 per polibeg (6"x9")	RM 5.00 per polibeg (10"x10")	

**KADAR BARU BAGI CAJ-CAJ / FI PERKIDMATAN
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG**

Tarikh Kemaskini : 3 April 2015

10. Tanaman Hiasan : Pokok Hiasan Dedaun			Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur
